



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 17 APRIL 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Ministry identifying recipients for targeted subsidies

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry is actively engaging stakeholders to identify target groups for the implementation of targeted subsidies, says minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the initiative mainly involves industry players from the agriculture, livestock, fisheries and agricultural services sectors under the ministry.

“Thorough research is needed to ensure that subsidies reach deserving recipients,” he said in a Facebook post yesterday, Bernama reported.

In the same post, Mohamad said he attended the Subsidy Control Scheme 2.0 online meeting with the Finance, Transport and Domestic Trade and Cost of Living Ministries at Wisma Tani, Putrajaya.

On Jan 2, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim launched the Central Database Hub (Padu) system to ensure fairer subsidy distribution and prevent leakage.

The introduction of the system was in line with the country's digital transformation approach, ensuring that government facilities are enjoyed by rightful recipients.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

KPKM kenal pasti golongan terbabit subsidi bersasar

Penelitian pastikan dana kerajaan dibelanja secara efisien

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) giat menjalankan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dalam usaha mengenal pasti golongan sasaran yang terbabit dalam pelaksanaan penyaluran subsidi bersasar.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia khususnya membatikan pemain industri daripada sektor tanaman, ternakan, perikanan dan penyediaan perkhidmatan pertanian di bawah kementerian itu.

Beliau berkata, penelitian secar terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan subsidi disalurkan kepada golongan sasar yang layak, sekali gus memastikan peruntukan kerajaan dapat dibelanjakan secara efisien.

"KPKM sentiasa sokong hasrat kerajaan dalam usaha melaksanakan penyaluran subsidi secara bersasar," katanya dalam perkongsian di Facebook semalam.

Mohamad dalam hantaran sama, berkata beliau juga menghadiri Mesyuarat Skim Kawalan Subsidi (SKD) 2.0 secara dalam talian bersama Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup di Wisma Tani, Putrajaya semalam.

Pada 2 Januari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi menjamin penyelarasan subsidi serta bantuan lebih adil, selain mengelak ketirisan dalam pemberian bantuan dan subsidi yang selama ini dinikmati golongan tidak selayaknya.

Pengenalan sistem itu selaras pendekatan transformasi digital negara dengan jaminan setiap kemudahan kerajaan akan dinikmati penerima yang berhak.

Seramai 11.55 juta atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun, sudah mendaftar dan mengemas kini profil mereka dalam sistem PADU selepas ia ditutup tengah malam 31 Mac lalu.

Menyatakan hal yang sama, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, dilaporkan berkata, jumlah itu



Maklumat dalam PADU digunakan untuk ogih subsidi bersasar.

menjadikan 17.65 juta atau 58.7 peratus keseluruhan profil rakyat termasuk ahli isi rumah bawah 18 tahun, berjaya dikemas kini dalam PADU.

Dibentang bulan ini

Katanya, berdasarkan data itu, Kementerian Ekonomi akan membentangkan perancangan penyasaran semula subsidi kepada Jemaah Menteri bulan ini.

"Sebarang pengumuman berkenaan hal ini akan diumumkan kerajaan pada masa akan datang," katanya.

Rafizi berkata, bagi mereka yang tidak berjaya mendaftar dan mengemas kini profil di PADU sebelum tarikh tutup itu, data

pentadbiran sedia ada mencukupi dan akan digunakan untuk kerajaan mementukan kelayakan individu bagi tujuan penyasaran semula subsidi.

Berdasarkan rekod pendaftaran dan pengemaskinian PADU mengikut negeri, Perlis merekodkan peratusan tertinggi dengan 66.9 peratus diikuti Kelantan (65.2 peratus), Terengganu (62.7 peratus) dan Perak (60.3 peratus).

Negeri mencatatkan peratusan pendaftaran dan kemas kini di bawah 50 peratus adalah Johor dengan 48.4 peratus, Selangor (44.5 peratus) Sarawak (46.7 peratus) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 47.6 peratus.

BERNAMA

Harga minyak tinggi beri impak berbeza



Ketegangan di Asia Barat yang berterusan sejak beberapa bulan lalu dan dilihat semakin memuncak dijangka meningkatkan lagi harga minyak mentah, sekali gus boleh memberi manfaat besar kepada negara pengeluar minyak yang merupakan pengeksport bersih, kata pakar ekonomi.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata sektor minyak dan gas negara dijangka mencatatkan prestasi memberangsangkan kerana harga dijangka terus kekal tinggi.

"Saya rasa harga yang lebih tinggi juga akan mendorong syarikat minyak utama untuk melakukan penerokaan dan pengeluaran," katanya ketika ditanya mengenai serangan Iran ke atas Israel baru-baru ini.

Minyak mentah West Texas Intermediate diniagakan pada AS\$89.98 satu tong dan Moody's menjangka harga minyak menokok AS\$5 satu tong lagi terhadap premium risiko dan melonjakkan

harga minyak kepada lingkungan AS\$90 hingga AS\$95 satu tong.

"Terdapat dua senario di sini dengan yang paling ketara adalah tindak balas terancang serta bertahan dari Israel yang akan meredakan ketegangan, seiring dengan tekanan daripada pentadbiran Presiden Amerika Syarikat (AS), Joe Biden serta komuniti global.

"Ini akan menyaksikan premium risiko AS\$10 satu tong itu akan lenyap dalam tempoh beberapa minggu akan datang. Kedua, risiko lebih menjelaskan yang akan menyaksikan konflik semakin memburuk apabila Israel bertindak balas dan jika itu berlaku, harga minyak boleh melonjak kepada lebih daripada AS\$100 satu tong," kata firma penyelidikan itu.

Berkongsi pandangan yang sama dengan Mohd Afzanizam, bekas Ketua Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Profesor Emeritus Datuk Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata kerajaan dijangka me-

raih kenaikan hasil dari segi nilai eksport.

"Saya tidak pasti sama ada Israel akan mengambil tindakan ke atas Iran seperti apa yang ia telah lakukan terhadap Gaza (Palestin), mungkin juga ia akan melakukan terhadap Iran, Syria yang membuat serangan balas itu. Jadi harga minyak mentah akan naik dan ini akan memberikan satu dimensi yang bukanlah pengalaman baharu bagi kita."

"Kita akan merasai kenaikan ataupun peringkatan harga minyak dan apabila ia berlaku maka eksport kita akan meningkat dan juga hasil Kerajaan Persekutuan akan meningkat kerana nilai eksport yang lebih tinggi dan harga minyak mentah yang naik," katanya.

Namun, pada masa yang sama, Zakariah berkata, Malaysia juga merupakan pengimpor bersih bahan petroleum, iaitu bahan api untuk tujuan kegunaan kereta, kapal terbang dan juga semua jenis produk berasaskan petroleum.

BERNAMA

KPKM jamin bekalan makanan asas cukup sepanjang Syawal

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bahawa bekalan makanan asas adalah mencukupi susulan penganjuran rumah terbuka yang menjadi tradisi sepanjang Syawal ini.

KPKM menerusi kenyataan memaklumkan keyakinan itu selari dengan keupayaan pengeluaran domestik komoditi makanan utama negara oleh para petani, pesawah, peladang, penternak dan nelayan sepanjang Ramadan.

Bagi bekalan komoditi makanan yang terhad pengeluaran domestiknya pula, ia ditampung melalui pengimportan bekalan untuk keperluan pengguna di pasaran.

"Rumah terbuka sepanjang Syawal merupakan kelaziman bagi rakyat Malaysia dan tradisi ini bukan sahaja dianjurkan oleh individu serta keluarga, malah turut dianjurkan oleh sektor awam, korporat, perniagaan, komuniti dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Oleh itu, jumlah penggunaan bekalan makanan asas dalam kuantiti yang besar diperlukan sepanjang tempoh tersebut," katanya pada Selasa.

Ujar KPKM, sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap keterjaminan bekalan makanan negara, pihaknya akan terus memberikan perhatian terhadap lapan komoditi makanan utama yang ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) iaitu beras, ayam, telur, daging, sayur-sayuran, buah-buahan, makanan laut dan susu segar.

"Ini bagi memastikan ia mencukupi untuk keperluan pengguna," jelas KPKM.

Menurutnya, kebolehcapaian komoditi makanan utama itu juga akan disokong oleh outlet pemasaran di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), selain pasar raya dan kedai runcit di seluruh negara.



KPKM memberi jaminan bekalan makanan asas mencukupi susulan penganjuran rumah terbuka yang menjadi tradisi sepanjang Syawal.

Harga minyak tinggi bawa impak berbeza - Pakar ekonomi

PUTRAJAYA - Ketegangan di Timur Tengah yang berterusan sejak beberapa bulan lalu dan dilihat semakin memuncak dijangka meningkatkan lagi harga minyak mentah, sekali gus memberi manfaat besar kepada negara pengeluar minyak yang merupakan pengeksport bersih, kata pakar ekonomi.

Ketua ahli ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, sektor minyak dan gas negara dijangka mencatatkan prestasi memberangsangkan kerana harga dijangka terus kekal tinggi.

"Saya rasa harga lebih tinggi juga akan mendorong syarikat minyak utama untuk melakukan eksplorasi dan pengeluaran," katanya kepada *Bernama* ketika ditanya mengenai serangan Iran ke atas Israel baru-baru ini.

Pada Selasa, minyak mentah West Texas Intermediate diniagakan pada AS\$89.98 (AS\$1 = RM4.77) setong dan Moody's menjangka harga minyak menokok AS\$5 setong lagi terhadap premium risiko dan melonjakkan harga minyak kepada lingkungan AS\$90 hingga AS\$95 setong.

Berkongsi pandangan sama ialah bekas Ketua Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Profesor Emeritus Datuk Dr Zakariah Abdul Rashid.

Menurutnya, kerajaan Persekutuan dijangka meraih kenaikan hasil dari segi nilai eksport.

"Saya tidak pasti sama ada Israel akan mengambil tindakan ke atas Iran seperti apa yang telah dilakukan terhadap Gaza (Palestin), mungkin juga ia akan melakukan terhadap Iran, Syria yang membuat serangan balas itu."

"Jadi, harga minyak mentah akan naik dan memberikan satu dimensi yang bukanlah pengalaman baharu bagi kita."

"Kita akan merasai kenaikan atau peningkatan harga minyak. Apabila ia berlaku, maka eksport kita akan meningkat dan hasil kerajaan Persekutuan akan meningkat kerana nilai eksport lebih tinggi serta harga minyak mentah yang naik," katanya.

Namun, pada masa sama, menurut Zakariah, Malaysia juga merupakan pengimpor bersih barang petroleum iaitu bahan api bagi tujuan kegunaan kereta, kapal terbang dan semua jenis produk berasaskan petroleum.

"Oleh itu, orang ramai (pelanggan rungit) juga akan turut merasai kenaikan harga minyak yang lebih mahal, tidak kira RON95 mahu pun RON97."

"Jadi, dalam situasi inilah subsidi akan digunakan sebagai instrumen iaitu bagaimana pemberian subsidi itu boleh disusun kembali supaya kesan negatif ke atas orang ramai tidaklah teruk sangat. Kita dapat menampung dengan lebihan hasil kerajaan Persekutuan," katanya.

Tambah beliau, pelaksanaan subsidi bersasar adalah satu jalan penyelesaian.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 APRIL 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Apr	KPKM giat kenal pasti golongan terlibat subsidi bersasar	https://thesun.my/cerita/berita/kpkm-giat-kenal-pasti-golongan-terlibat-subsidi-bersasar-ED12334000	THE SUN
17-Apr	KPKM giat kenal pasti golongan terbabit subsidi bersasar	https://www.buletintv3.my/nasional/kpkm-giat-kenal-pasti-golongan-terbabit-subsidi-bersasar/	BULETIN TV3
17-Apr	KPKM GIAT KENAL PASTI GOLONGAN TERLIBAT SUBSIDI BERSASAR	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2288381	BERNAMA
17-Apr	KPDN perluas projek rintis SKDS 2.0	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-perluas-projek-rintis-skds-2-0	BERITA RTM
17-Apr	Lelaki ditahan cuba jual diesel subsidi milik Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1080639/lelaki-ditahan-cuba-jual-diesel-subsidi-milik-persatuan-nelayan-	HARIAN METRO
17-Apr	Dua lelaki ditahan disyaki jual beli diesel bersubsidi	https://thesun.my/cerita/dua-lelaki-ditahan-disyaki-jual-beli-diesel-bersubsidi-DD12337051	THE SUN
17-Apr	DUA LELAKI DITAHAN DISYAKI JUAL BELI DIESEL BERSUBSIDI	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2288549	BERNAMA
17-Apr	Dua lelaki ditahan disyaki jual beli diesel bersubsidi	https://malaysiaga-zette.com/2024/04/16/dua-lelaki-ditahan-disyaki-jual-beli-diesel-bersubsidi/	MALAYSIA GAZETTE
17-Apr	Dua lelaki ditahan disyaki jual beli diesel bersubsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/659860/berita/semasa/dua-lelaki-ditahan-disyaki-jual-beli-diesel-bersubsidi/	SINAR HARIAN
17-Apr	Dua lelaki ditahan disyaki jual beli diesel bersubsidi	https://selangorkini.my/2024/04/dua-lelaki-ditahan-disyaki-jual-beli-diesel-bersubsidi/	SELANGOR KINI
17-Apr	Government Urged to Swiftly Implement Targeted Subsidy Plan to Counter Diesel Smuggling	https://www.malaysiakini.com/announcement/702595	MALAYSIA KINI

17-Apr	KPKM actively identifying eligible recipients for targeted subsidies	https://www.dailyexpress.com.my/news/232497/kpkm-actively-identifying-eligible-recipients-for-targeted-subsidies	DAILY EXPRESS
17-Apr	KPKM actively identifying eligible recipients for targeted subsidies	https://thesun.my/local_news/kpkm-actively-identifying-eligible-recipients-for-targeted-subsidies-AD12334859	THE SUN
17-Apr	KPKM giat kenal pasti golongan terlibat subsidi ber-sasar	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpkm-giat-kenal-pasti-golongan-terlibat-subsidi-bersasar-466577	ASTRO AWANI
17-Apr	Isu kartel beras KPKM tidak campur urusan siasatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)	https://malaysia.tribune.news/2024/04/15/isu-kartel-beras-kpkm-tidak-campur-urusan-siasatan-suruhanjaya-persaingan-malaysia	MALAYSIA TRIBUNE
17-Apr	Agriculture Ministry vows no protection for rice cartels	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1038121/agriculture-ministry-vows-no-protection-for-rice-cartels	NEW STRAITS TIMES